

**Pas Fail Petisyen Pilihan Raya Bagi DUN Air Lanas, DUN Kok Lanas
Bernama
10 June, 2013**

KOTA BAHARU, 10 Jun (Bernama) -- Dua wakil calon PAS memfailkan petisyen pilihan raya bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Lanas dan DUN Kok Lanas bahawa keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU13) bagi kedua-dua kerusi pada 5 Mei lepas adalah tidak sah.

Mustapha Deris, 55, wakil Abdullah Ya'kub memfailkan petisyen itu bagi kerusi DUN Air Lanas manakala Shaberi Mohd Zin, 57, yang mewakili calon PAS Nik Mahadi Nik Mahmood bagi DUN Kok Lanas.

Kedua-dua petisyen difail melalui Hisham Fauzi Associates dan diserahkan kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Noor Haslinda Che Seman pada 2 petang.

Pada pilihan raya umum itu, calon Barisan Nasional (BN) DUN Air Lanas Datuk Seri Mustapa Mohamed, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, mengalahkan Abdullah dengan majoriti 795 undi. Mustapa turut memenangi kerusi Parlimen Jeli.

Calon BN DUN Kok Lanas Datuk Md Alwi Che Ahmad pula menewaskan Nik Mahadi dengan majoriti 580 undi.

Petisyen pilihan raya DUN Air Lanas menamakan Mustapa, Pegawai Pengurus Pilihan Raya DUN Air Lanas Abdul Manan Ali dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai responden manakala bagi Kok Lanas, Shaberi menamakan Md Alwi, Pegawai Pengurus Pilihan Raya DUN Kok Lanas Adnan Hussin dan SPR sebagai responden.

Bercakap kepada pemberita, peguam Hisham Fauzi berkata petisyen bagi DUN Air Lanas difail kerana terdapat beberapa bukti berlaku sogokan pada pilihan raya itu manakala bagi Kok Lanas, pengundian awal dan undi pos diragui ketelusannya serta sogokan.

Beliau berkata pihaknya akan memfailkan tiga lagi petisyen esok melibatkan Parlimen Ketereh, Parlimen Machang dan DUN Selising.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955154>